

PENAREK BECHA: PEMULAAN YANG KERAMAT

Dr. Haji Saiee Driss @ Saie bin Dris
(Presiden, Kelab Peminat P. Ramlee Sarawak - KPPRS)

TUGASAN

Penarek Becha. Saya diminta menyediakan kertas kerja mengenai filem bertajuk ***Penarek Becha***, filem pertama arahan Seniman Agung, Tan Sri Datuk Amar Dr Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Putih atau Tan Sri Datuk Amar Dr. P Ramlee, insan besar dalam sejarah perkembangan dunia filem Melayu dan Nusantara.

Saya terima tugas itu dengan sedikit rasa kecewa kerana saya berharap untuk diminta menulis tentang filem ***Ibu Mertuaku***. Saya pada masa itu merasa, apa adalah pada filem pertama arahan seseorang yang masih terlalu muda. Hakikatnya beliau manusia tempatan Melayu yang berjaya mengarahkan-filem sezaman dengannya di Tanah Melayu, setelah seorang calon Melayu gagal menjadi pengarah filem Melayu pertama.

Saya telah membaca banyak makalah, kertas kerja, rencana dan buku dan menonton video podcast dan rencana mengenai P Ramlee dan mengetahui bahawa beliau sebenarnya menceburi dunia hiburan melalui bidang muzik dan nyanyian, bukan dunia lakonan pentas atau filem, walaupun sudah ada filem-filem Bahasa Melayu diterbitkan dan diarah oleh tokoh-tokoh dari luar seperti Cina dan India. Semua pengarah filem dalam bahasa Melayu sebelum itu dari luar Tanah Melayu. Memang nama P.Ramlee sudah terkenal sebagai penyanyi sejak remaja melalui penyertannya dalam beberapa orkestra sekitar bandar kelahirannya dan menyertai pelbagai pertandingan nyanyian.

Untuk memenuhi hajat penganjur, saya lalu mencari, membaca bahan cetak dan menonton pelbagai bahan audio visual tentang P.Ramlee dan ***Penarek***

Becha. Hasil kajian itu saya mendapati banyak data dan fakta yang menarik yang saya menjadi bersyukur kerana diberi tugas berkenaan. Proses membuat kajian dan penelitian bahan-bahan yang amat banyak menambah ilmu dan bekalan data penting tentang P.Ramlee ke dalam kecil pengetahuan saya tentang seniman besar ini.

ASAL MULANYA

P. Ramlee tiba-tiba berada di ambang pintu alam lakonan pun melalui kejayaannya dalam bidang nyanyian. Semasa penyertaan kali ketiga dalam Pertandingan Bintang Radio dan menjadi juara dia menarik perhatian salah seorang penonton di Pulau Pinang. Kebetulan penonton itu adalah Baldan Singh Rajhans atau B.S. Rajhans, pengarah filem keturunan India yang berkhidmat dengan sebuah syarikat penerbitan filem di Singapura.

Penglibatan P.Ramlee dalam bidang muzik adalah sejak di bangku sekolah lagi. Semasa belajar di Penang Free School, selepas solat malam dia berlatih bermain viola dan menyanyi dengan Pancaragam Teruna Sekampung. Ketika itu juga dia sudah mampu mencipta lagu sendiri dan menyanyikan sendiri lagu-lagu itu.

Kehadirannya di pentas hiburan se-Malaya adalah juga melalui nyanyian dan muzik dan bukan lakonan. Pada penyertaan pertamanya dalam pertandingan nyanyian terbuka melalui pertandingan anjuran Radio Malaya Pulau Pinang pada tahun 1945, dan mendapat tempat ketiga. Dalam pertandingan serupa pada tahun berikutnya dia hanya menjadi Naib Johan dan menjuarai pertandingan itu pada tahun berikutnya bersama Pancaragam Teruna Sekampung.

P RAMLEE KE DUNIA FILEM

Pintu terbuka untuk P.Ramlee menjengah dunia filem apabila B. S. Rajhans, seorang Punjabi yang dikenali dalam bidang seni filem Melayu ketika itu sebagai B.S.Rajhans, dilantik oleh syarikat Malay Film Production di Singapura sedang dalam kembara mencari calon artis baharu di seluruh Malaya. Dia kebetulan menonton P.Ramlee menyanyikan lagu *Azizah* ciptaannya di Malay Agriculture Show di Bukit Martajam, Pulau Pinang pada 1 Jun 1948. Oleh kerana kagum dengan persembahan P.Ramlee dia menjemput P. Ramlee untuk menyertai bidang perfileman melalui satu screen test di Singapura. Dan di studio itu orang yang mengesan kemampuan luarbiasa P.Ramlee ialah seorang petugas studio itu yang bernama Ahmad C atau Ahmad bin Abdul Hamid. Inilah orang yang pergi bersama B.S.Rahjans ke Pulau Pinang, dan dialah orang yang mencadangkan supaya Rajhans mempelawa P Ramlee menyertai studio syarikat perfileman di Singapura yang sedang mencari calon-calon pelakon baharu. Rajhans pula lalu menulis sebuah nota menawarkan pekerjaan di Singapura. Di studio itu P.Ramlee dan Ahmad C bersahabat dan bekerjasama dengan baik dan mesra sehingga akhir hayat.

Ikatan persahabatan itu menyebabkan Ahmad C yang pada mulanya bertugas sebagai buruh kasar, sempat menjadi salah seorang pelakon dan memulakan kerjaya lakonannya sebagai salah seorang penarik beca, pelakon tambahan dalam filem *Penarek Becha* . Ahmad C juga ditampilkan sebagai pelakon oleh P. Ramlee dalam filem *Semerah Padi*, *Pendekar Bujang Lapok*, *Ali Baba Bujang Lapok*, *Seniman Bujang Lapok*, *Musang Berjanggut*, *Labu dan Labi*, *Nasib Si Labu Labi* dan *Ibu Mertuaku*. Lebih daripada itu P.Ramlee mengangkatnya menjadi salah seorang anggota kumpulan nyanyian *Pancha Sitara* pada tahun 1960.

Penglibatan P. Ramlee dalam dunia perfileman bermula dari bawah, bukan terus menjadi pengarah filem. Selepas screen test, sementara menunggu keputusan, beliau menjalani latihan dalam pelbagai bidang kerjaya

perfileman termasuk menjadi buruh pengangkut peralatan, kru penolak dolly semasa penggambaran, menjaga clapstick atau menjadi clapper boy. Dia semakin meningkat kedudukan apabila suaranya dipinjam sebagai penyanyi latar kepada bintang-bintang terkenal waktu itu. Gaji awalnya sekadar 70 ringgit sebulan.

Dia mula berada di hadapan kamera sebagai pelakon pembantu dalam filem *Chinta* pada tahun 1945. Lepas itu diberi peluang berlakon dalam filem *Noor Asmara*, *Nasib*, *Nilam* dan *Rachun Dunia*. Orang pertama yang menyarankan supaya P.Ramlee menjadi hero adalah L. Krishnan, tetapi Run Run Shaw tidak setuju kerana katanya wajahnya tidak cukup menarik. Bagaimana pun atas desakan berterusan oleh L. Krishnan akhirnya Run Run Shaw bersetuju dengan syarat P.Ramlee harus menjalani screen test, bukan di studio tetapi di banglo milik tauke itu. Dalam ujian bakat itu P. Ramlee hanya perlu melafazkan dialog “*Apa khabar Encik Bakar?*” Dan filem pertama P. Ramlee memegang peranan hero ialah filem *Bakti*, yang mendapat sambutan yang sangat hebat. Boleh dikatakan bahawa kejayaan pertama P.Ramlee memegang peranan hero adalah dalam filem *Bakti*.

PENAREK BECHA

Dengan ilmu dan kemahiran yang dipungutnya dalam penglibatan kerja di studio itu, Arwah Tan Sri Datuk Amar Dr P.Ramlee, sebenarnya sudah membina tapak kubangnya dalam dunia perfileman sehingga melahirkan kejayaan yang mengejutkan lewat filem *Penarek Becha*. Kita harus ingat bahawa sebelum itu beliau sanggup menerima tugas sebagai pengarang skrip dan selain melaksanakan apa sahaja tugas dan peranan asas dalam penerbitan dan pengarahannya filem. P. Ramlee juga banyak menyumbangkan bakat dan kemampuannya dalam bidang muzik dan nyanyian sebagai seorang penyanyi latar dan pemuzik. Lantas beliau telah dengan gigih mengumpul pengalaman dan mengaut ilmu dan pendidikan tentang peranan bidang muzik dan nyanyian dalam sesebuah filem, melalui penglibatan dalam penerbitan puluhan filem sebenarnya.

Disenaraikan di sini filem yang melibatkan dirinya dengan pelbagai peranan yang selain merupakan peluang untuk membuktikan bakat yang ada. Ini adalah juga proses membimbing dirinya di dalam memperoleh kemahiran-kemahiran yang menambah mantap kedudukannya. Sehingga dilantik menjadi pengarah *Penarek Becha* beliau terlibat dalam sejumlah 20 filem pelbagai tema, corak dan jenis semuanya. Bila dipilih untuk menyertai sesuatu projek sebagai pelakon beliau hadapi setiap projek bagaikan satu program dan siri kuliah lengkap tentang kemahiran dan keperluan dalam menghasilkan sebuah filem. Dengan kata lain P.Ramlee telah tamat melaksanakan 20 program pendidikan ilmu perfileman lengkap secara amali. Dengan ketekunan yang ada padanya sejak sampai di Singapura, proses yang setiap satunya adalah satu program atau kursus pembikinan atau pengeluaran filem yang lengkap dan mantap membekalkan ilmu yang amat berguna untuk kerjayanya seterusnya.

BAHAN BINAAN BAKAT P.RAMLEE

Berikut senarai filem yang melibatkan P Ramlee dan memperkukuhkan kemahiran dalam, serba serbi ilmu perfileman:

1950 -	Rachun Dunia, Bakti, Takdir Illahi dan Aloha
1951 -	<i>Penghidupan, Sejoli dan Juwita;</i>
1952 -	<i>Antara Senyum dan Tangis, Anjoran Nasib, Patah Hati, Sedarah, dan Miskin;</i>
1953 -	<i>Putus Harapan, Ibu, Hujan Panas dan Siapa Salah?</i>
1954 -	<i>Panggilan Pulau, Perjudohan dan Merana;</i>
1955 -	<i>Abu Hassan Pencuri</i>

Ini rasanya sudah setanding atau melebihi kurikulum latihan kemahiran di akademi formal dalam bidang ini.

ARCA KEJAYAAN PERTAMA

Mari kita teliti hasil asuhan, asahan dan latihan amali di pelbagai peringkat ilmu pembikinan filem, dengan kita cuba mendekati dan menghayati filem pertamanya, iaitu filem *Penarek Becha*

Kita menelaah dan meneliti hasil program pembinaan kemahiran dilaluinya dalam kerja penerbitan sebuah filem dengan membedah karya lengkap arahan pertamanya dengan menelaah filem *Penarek Becha* yang telah melancarkan kerjayanya dalam bidang perfileman. Lebih menakjubkan lagi ialah filem pertama arahnya itu mengaut bukan satu tapi lima anugerah dan diikuti oleh banyak lagi hadiah selepas itu sehingga menjadi seorang legenda yang tiada tandingannya. Banyak tokoh dari kalangan seniman dan cendekiawan di dalam industri dan di pusat pengajian tinggi mengakui kehebatan P. Ramlee dalam menghasilkan karya filem.

Ini membawa kenyataan dari beberapa tokoh perfileman tanah air bahawa P. Ramlee adalah **seorang seniman yang sempurna**. Lalu setelah beliau pergi buat selama-lamanya ramai yang bersetuju tidak akan ada lagi seorang seniman perfileman yang lebih sempurna dan serba lengkap ilmu dan pengetahuannya dalam bidang seni hiburan dan perfileman di Mayasia, di Asia Tenggara malah di seluruh dunia yang dapat menandingi pencapaiannya. Setelah tamat hayatnya, kini diakui memang payah nak jumpa orang yang melabur seluruh tenaga dan minat untuk meraih dan memiliki pengalaman, ilmu dan kebolehan seperti beliau dalam bidang dan kerjaya diceburiya.

Filem *Penarek Becha* diterbitkan pada tahun 1956. Kerangkanya ialah sebuah kisah percintaan seorang anak gadis orang kaya dengan seorang penarik beca yang miskin. Ramuan pergolakan emosi dan perasaan di

dalamnya ialah halangan-halangan dan cabaran-cabaran yang tiba-tiba disedari wujud setelah ungkapan perakuan cinta itu dilafazkan, menyebabkan berlaku analisis oleh kedua-dua pihak tentang perasaan masing-masing. Maka ketika itu berlaku saling kenal mengenali dan saling nilai menilai kesesuaian rasa cinta percambahannya tidak dijangka dan diminta, yang tiba-tiba berputik di antara mereka dan cabaran yang mereka hadapi untuk menyuburkan perasaan cinta itu yang menafikan kemungkinan gagal.

Sebagaimana biasanya sesuatu kisah cinta pasti ada cabaran dihadapi oleh pasangan sama ada di dalam diri masing-masing atau mereka berdua dengan insan-insan dan unsur kehidupan sekitar mereka ketika mengendung dan merawat perasaan cinta yang tumbuh dan semakin berkembang. Pelbagai cubaan dan dugaan tercetus sama ada dalam diri masing-masing, atau antara mereka berdua atau dengan masyarakat dan individu di sekitar mereka. .

Mari kita menganalisis dan meneliti teks dan kandungan ceritanya dan cuba memahami logika dan kewajaran bagi setiap peristiwa fizikal atau sekadar lintasan rasa dan fikiran yang mempengaruhi perasaan dan mencetuskan reaksi zahir batin yang memaknakan pertumbuhan rasa cinta itu.

Dalam usaha kita menghalusi butir-butir kejayaan yang lahir daripada kerja pembinaan filem itu, dalam makalah ini kita mencari sumber dan alasan kewujudan unsur-unsur negatif dan positif yang menggerakkan jalinan peristiwa yang dihidangkan oleh pengarah untuk bercerita. Kita lakukan ini dengan menyaring segala babak dan peristiwa pembinaan cerita melalui tapisan budaya, amalan hidup, tindak tanduk, nilai-nilai pegangan serta aju berbalas aju idea dan peristiwa dalam kerangka logika dan kewajaran tindak balas ke atas tindakan-tindakan yang diketengahkan oleh pengarah untuk menghidangkan intipati cerita.

Dengan kata lain kita mengkaji kerangka minda watak-watak ketika berbalas tindakan terhadap idea dan amalan dalam budaya masyarakat yang terlibat di

dalam peristiwa-peristiwa atau persoalan-persoalan yang menggerakkan cerita.

Tegasnya kita tidak hanya mengikuti dan menerima segala peristiwa dan babak yang diketengahkan kepada kita sebagai penonton tetapi mempersoalkan kewajaran peristiwa dan tindakan berbalas tindakan yang berentetan dengan kerangka amal budaya dan sistem nilai masyarakat yang melatari cerita yang diketengahkan dalam filem berkenaan. Itulah kayu ukur untuk menilai berjaya dan berkualiti atau tidak bahan yang dihidangkan kepada kita. Dengan kata lain kita mengukur untuk menerima atau menolak sesuatu paparan atau babak menggunakan mindset yang dibentuk dalam amal budaya kita.

Dalam filem pertamanya ini P. Ramlee kelihatan amat teliti merancang dan membina set tafsiran unsur-unsur perasaan dan detak serta gerak rasa pada setiap unsur dan gerak peristiwa sebenar atau sekadar imaginasi tentang kehidupan dalam ruang waktu dan ruang nilai-nilai di tempat berlakunya persoalan kemanusiaan yang mengasaskan cerita.

PENAREK BECHA, BAGAIMANA CERITANYA

Dalam filem ini sebenarnya P. Ramlee berdialog tanpa bahasa dan memaparkan gerak rasa dan buah fikir tentang kandungan filem ini pada pancaran sinar dilayar tayangan yang kita tonton. Saya istilahkan paparan dijayakan oleh gerak cahaya di skrin tontonan itu sebagai komunikasi dari jiwa ke jiwa. Dalam komunikasi itu pengarah sudah berkisah dan memaparkan mesejnya ketika bermula sahaja filemnya ditayangkan.

Beliau memulakan babak cerita dengan menara jam dan serana bunyi jam dan suasana pagi ketika mana kenderaan sudah mula memenuhi jalan raya. Oleh kerana ceritanya bukan cerita keagamaan maka tidak dikemukakan babak watak solat subuh, supaya filem ini mudah diterima oleh semua rakyat

negara ini dan banyak aksi dan reaksi dalam babak cerita tidak menepati kerangka dan nilai budaya Islam.

Jam itu apa pentingnya? Ia mengingatkan kita tentang waktu pagi ketika kehidupan penghuni kota mula sibuk. Demi mengemaskan bayangan mesej yang hendak disampaikan maka muncul penjual akhbar meneriak agar ada orang membeli akhbar jualannya. Apa pentingnya akhbar? Ia menyatakan ada berita baharu dan perkembangan terbaharu yang melibatkan perjuangan dan kehidupan masyarakat termasuk semua penghuni kota itu. Dan hakikat tiada yang sudi membeli naskhah akhbar itu membayangkan yang masyarakat ketika itu tidak ambil peduli apa-apa yang berlaku sekitar mereka dan memikirkan hanya perihal diri sendiri. Urusan kehidupan peribadi sudah menyesakkan kepala memikirkan apa lagi kalau disaratkan oleh pelbagai maklumat dan berita yang mungkin dirasakan tidak melibatkan mereka atau kita. Mungkin sahaja kita memikirkan yang babak itu sekadar intro dan tidak ada makna. Itu suasana amal budaya ketika itu dalam alam penceritaannya.

Kalau itu amal budaya semasa pada zaman yang dicerita apa lagi bukti yang menyokong paparan itu dalam mana semua orang masing-masing sibuk dan urusan sendiri, hanya mahu memudah dan menyenangkan diri sendiri dan tidak peduli tentang masalah orang lain di sekitar walaupun mereka sama agama dan keturunan.

Ini dikisahkan pengarah dengan tindakan dan kata-kata kasar Orang Kaya Marzuki apabila Amran menuntut tambang mengikut kadar yang sudah diterima umum. Amran dikatakan bodoh. (Bodohkah orang yang menuntut haknya?)

Dengan mengenengahkan masalah dan kehidupan peribadi watak-watak utama dalam ceritanya dan memperlihatkan kerangka nilai dan amal budaya dua watak penting cerita ini, pengarah mempertemu dua watak besar dan berpengaruh dalam perkembangan cerita, iaitu Orang Kaya Marzuki dan Amran, si penarik beca. Babak singkat dan kecil itu memaparkan awal-awal

kepada kita tentang adanya pergeseran sosial dalam kewujudan diri masing-masing dan sikap dan cara berfikir menjalani kehidupan masing-masing.

Pengarah membiarkan penonton berfikir dan menilai sendiri akan makna dan implikasi babak itu dan cuba memikirkan di manakah letaknya dirinya dalam konteks konflik sosial yang besar itu. Pengarah meninggalkan para penonton dengan perasaan masing-masing.

Demi merencanakan persoalan, cerita dilanjutkan dengan memaparkan babak kegiatan di kelas memasak dan menjahit yang disertai oleh Azizah, anak gadis Orang Kaya Marzuki.

Babak yang melibatkan kaum wanita ini penuh dengan unsur-unsur positif. Pada kelas memasak dipapar sebuku kuih yang dihasilkan dan pada kuih ditulis WANITA HARAPAN. Kita boleh nampak perbezaan kerangka minda kaum wanita dengan kaum lelaki di sini. Kaum lelaki sibuk dengan konflik dan kaum wanita menikmati suasana sibuk dengan cabaran pembinaan kemahiran dan sahsiah dan aura mereka .

Dua aura dan suasana dalam kerangka minda ini bertembung dan bergolak apabila berlaku perkenalan Azizah dengan Amran apabila kebetulan Azizah menumpang beca Amran untuk pulang ke rumah dari sekolah menjahit. Ia berkembang pesat apabila Azizah melanggan khidmat beca Amran untuk pergi dan balik ke sekolah menjahit setiap hari pada kadar tambang 40 ringgit sebulan. Ibu Amran juga bersetuju apabila perkara itu dimaklumkan oleh Amran. Bagaimanapun konflik timbul dalam keluarga Azizah apabila Orang Kaya Marzuki tidak setuju kerana jumlah bayaran itu terlalu mahal. Bagaimanapun akhirnya Orang Kaya Marzuki bersetuju apabila ibu Azizah menegaskan bahawa itu adalah untuk menjaga keselamatan Azizah. Dia bersetuju tapi kadar itu hanya untuk sebulan dan kadar baru akan dirundingkan kelak.

Cerita dipercepatkan perkembangannya dengan sehingga babak berkelah di tepi pantai di mana mana Amran hadir dan menyambung nyanyian para

peserta perkelahan dengan lagu *Dengarlah Sang Ombak Berdesir*. Senikata lagi itu sebenarnya sebahagian daripada kata pesan pengarah kepada penonton dan watak-watak terlibat dalam cerita.

Ini diikuti oleh dialog antara Azizah dan Amran tentang makna kebahagiaan. Dalam komunikasi rasa antara mereka Azizah sentiasa berfikir secara positif dan Amran asyik negatif kerana merasa dirinya orang kecil dan hina. Babak perjalanan beca bersusun panjang dan lama waktunya dengan pakaian Azizah bertukar-tukar menggambarkan hubungan semakin rapat dan akrab

Selepas itu P.Ramlee memasukkan elemen baharu dalam plot cerita dengan Orang Kaya Marzuki yang bertengkar dengan beberapa orang penarik beca kerana enggan membayar kadar tambang beca yang ditetapkan. Pertenggaran itu menggambarkan sikap angkuh Orang Kaya Mazuki yang mahu memukul salah seorang penarik beca yang bedekatan dengan tongkatnya. Dalam pergelutan itu tongkat berkenaan tercampak ke tengah jalan. Ketika berlari ke tengah jalan mahu mengambil tongkat itu dia dilanggar oleh kereta yang dipandu oleh Razali, seorang playboy dan ketua kumpulan samseng kampung.

Ketika datang ke hospital untuk memaklumkan kepada Orang Kaya Marzuki yang dirinya yang melanggarnya, orang itu tidak marah sebaliknya merasa Razali adalah seorang yang baik dan jujur dan meminta Razali membawa Azizah dan ibunya ke hospital pada sebelah petangnya. Petang itu ketika datang ke rumah Orang Kaya Marzuki untuk membawa isteri dan anak gadis orang tua itu ke hospital Azizah dan Razali mengenali satu sama lain dan Azizah menjadi marah tapi terus diam, dan memendamkan kisah malam sebelum itu Razali cuba mengganggu Azizah tetapi dihalang oleh Amran.

Demi menegangkan konflik, Razali yang merasa tercabar oleh kehadiran Amram dalam pergaulan dan perkenalannya dengan Azizah, Razali telah menggunakan pelbagai taktik dan fitnah malah sanggup mengajak rakan-rakan jahatnya untuk menyerang Amran dan menghasut Orang Kaya Marzuki sehingga orang tua itu memukul anak daranya.

Konflik yang menjadi isu inilah yang menarik perhatian penonton untuk mengikuti perkembangan cerita seterusnya. Penonton yang bijak dapat mencerna dan beroleh pendidikan jiwa yang positif daripada proses itu sementara yang kurang cekap akan sekadar menikmati rasa sedih dan duka dengan nasib malang hero dan heroin.

Dalam *Penarek Becha* perkembangan plot dan tumpuan tidak demikian. Perasaan cinta yang sedang berkembang di atas landasan biasa demikian memberi peluang kepada para penonton untuk menalaah masalah-masalah sosioekonomi dan sosiobudaya sekitar masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Perkembangan plot membawa para penonton kepada gejala negatif yang wujud di dalam kehidupan para watak, dan mereka melalui proses pembersihan sikap dan jiwa untuk menyedari akan bahayanya fitnah dan hasutan yang sering berlaku dalam masyarakat.

IDEA REVOLUSIONER

P Ramlee sebagai seorang pemikir dan pengarah yang bertanggungjawab tidak membiarkan penonton diendong oleh rasa sedih penuh simpati dengan keadaan dan nasib dihadapi oleh watak-watak dalam cerita. Pengarah mengubah jalur perkembangan cerita.

Setelah memaparkan adegan Amran dimarahi dan dikatakan bodoh oleh Orang Kaya Marzuki para penonton dibawa melihat aktiviti sekumpulan wanita dalam kelas menjahit dan aktiviti-aktiviti menjahit yang teratur dan memberi kemungkinan berkembang sehingga menjadi tema utama.

Rasanya, pada zaman itu jarang ada kelas menjahit yang sedemikian teratur dan cukup bersistem dan berwawasan. Ini memberi gambaran bahawa yang menjadi latar cerita ketika itu adalah satu kelompok orang Melayu yang progresif dan sudah ada kesedaran memanfaatkan bakat dan keupayaan untuk lebih maju daripada kebanyakan kelompok masyarakat.

Babak ini sekalipun hanya sebentar, adalah saranan secara tegas bahawa masyarakat berkaitan punya perancangan untuk memperluaskan asas kegiatan ekonomi. Kini kita dapat melihat bukti jelas kemahiran jahitan dan pengeluaran pakaian wanita adalah satu aktiviti yang menguntungkan bagi mereka yang terlibat dalam industrinerkenaan.

Hakikat para peserta kursus masak memasak dan menjahit sudah terbukti dapat melahirkan jutawan. Projek pengeluaran dan industri penyediaan makanan dan hidangan sudah ada kemahiran terbukti ada potensi membolehkan pesertanya membuka kedai makan sendiri. Ini boleh menjadi benih kepada kegiatan ekonomi yang boleh berkembang pesat dalam lokasi yang ditunjukkan iaitu di Singapura atau di Semenanjung Tanah Melayu.

Di samping itu ada sekumpulan orang yang menjadi penarik beca yang semacam dianiaya dan ditindas oleh bangsa sendiri, yang menjadi kelompok pelanggan utama mereka. Kini ada di antara mereka sudah berani berhujah dan enggan melayan orang yang tidak mahu membayar tambang yang ditetapkan. Ini menunjukkan sudah ada benih-benih usaha untuk memperbaiki nasib mereka. Namun mungkin belum ada buah fikir atau kemahiran untuk bertindak membela kepentingan melalui pergerakan bersepadu dalam persatuan atau kesatuan sekerja.

Setelah mengemukakan beberapa teguran terhadap amal budaya dan usaha-usaha memperbaiki nasib anak bangsa pengarah memperkembangkan plot cerita dengan memperkenalkan beberapa watak yang sifat dan amalan budaya mereka saling berlawanan.

Kalau awalnya diperkenalkan Marzuki, ayah heroin dalam cerita ini mencetuskan konflik. Ini berpunca daripada ego orang tua itu yang mengaku dirinya dan mahu dirinya dikenali sebagai Orang Kaya Marzuki kerana ada ladang dan rumah sewa, tapi tidak memiliki kereta sendiri dan kedekut bila nak bayar tambang beca. Hakikatnya dia belum layak disebut orang kaya

dengan wangnya sekadar sepuluh atau dua puluh ribu dan masih disimpan dalam peti besi di rumah, bukan di bank.

Untuk mewujudkan memperkembangkan plot, pengarah memperkenalkan watak Razali seorang playboy juga ketua samseng kampung yang sedang dalam perhatian polis. Pengarah menganyam cerita dengan mempertemukan dua watak ini dalam satu kemalangan jalan raya, anehnya bukan menimbulkan kemarahan kepada Orang Kaya Marzuki dia menyerahkan tugas menjaga keamanan keluarganya kepada Razali menjadi orang yang dipercayai oleh Orang Kaya Marzuki. Dan kepercayaan itu amat melampau sehingga menyerahkan keselamatan dan ketenteraman rumah tangganya kepada Razali sepanjang dia masih di hospital.

Pada hari dia membawa balik orang tua itu dari hospital, Razali terus mencipta pelbagai cerita fitnah untuk memisahkan Azizah daripada Amran, dan orang Orang Kaya Marzuki tanpa usul periksa terus memarahi isteri dan mencari Azizah. Sesampai sahaja Azizah di rumah, terus ditempeleng dan dipukulnya. Azizah yang marah kerana menjadi mangsa atas hasutan Razali telah melarikan diri ke rumah Amran. Razali menggunakan peluang itu untuk meruncingkan keadaan dengan terus menyusul mengikut Azizah. Satu pertarungan berlaku di antara Amran dan Razali di hadapan rumah Amran. Bila Razali mengeluarkan pisau untuk menikam Amran pisau itu terbabas ke dada ibu Amran. Ini menyebabkan Razali ketakutan kerana disangkanya orang tua mati terkena pisau. Razali terus berlari balik ke rumah Orang Kaya Marzuki meminta wang 10 ribu ringgit untuk belanja melarikan diri daripada buruan polis.

Bila Orang Kaya Marzuki enggan memberi wang yang diminta, si antagonis tadi mencapai sebilah keris dan mengancam akan membunuh Orang Kaya Marzuki. Orang Kaya Marzuki yang ketakutan bersetuju membuka peti besi dan memberi 10 ribu ringgit tetapi Razali merampas semua wang dalam peti itu.

Kebetulan pada waktu itu Amran tiba di rumah Orang Kaya Marzuki menghantar Azizah balik setelah ibunya mendesak kerana si ibu sekadar luka di dada. Maka berlaku pertarungan di antara Razali dan Amran berakhir dengan Razali jatuh pengsan diikuti oleh Amran. Babak di rumah itu ditutup dengan kedatangan polis yang menangkap Razali.

PENDIDIKAN BUDI BAHASA

Pengarah juga memberi teguran amal budaya masuk ke rumah orang Melayu tanpa membuka kasut tapi masuk ke rumah ceti membuka kasut.

Dalam filem ini P.Ramlee cuba menggambarkan daifnya kehidupan masyarakat Melayu ketika itu dan betapa orang kaya hanya mementingkan diri sendiri tanpa sumbangan kepada anak bangsa. Juga dipaparkan sikap angkuh golongan berada dan memandang rendah golongan miskin. Filem Penarik Becha berakhir dengan Orang Kaya Marzuki mengumumkan yang Azizah anaknya akan berkahwin si miskin bernama Amran dengan syarat Amran berhenti daripada menjadi penarik beca, sebaliknya menjadi penjaga dan pengurus harta bakal bapa mertua.

Kita boleh mengetahui beberapa data dan fakta sosiobudaya dan sosioekonomi bangsa Melayu pada zaman cerita ini berlaku serta sikap golongan berada yang angkuh dan tidak ada rasa tanggung jawab terhadap masyarakat.

Kita juga memerhati bahawa P.Ramlee dalam filem ini menegur sikap jahat sebilangan orang yang sanggup diupah untuk menganiaya orang miskin dengan sedikit upah daripada ketua samseng.

Dalam filem ini juga dibayangkan bahawa golongan wanita lebih bijak mencari cara memperbaiki kehidupan seperti mempelajari pelbagai kemahiran yang berguna untuk meningkatkan pendapatan.

Pengarah juga menegur golongan lelaki kerana mudah sangat patah semangat, atau mudah sangat mempercayai fitnah dan tohmahan. Dalam babak-babak yang membayangkan perkembangan cinta antara Azizah dan Amran, heroin lebih yakin dan lebih luas bidang pemikirannya sedang Razali sentiasa membiarkan dirinya kalah dan sedih dan tiada masa depan.

Golongan bapa juga ditegur kerana angkuh dan memandang rendah golongan miskin. Mereka juga selalu mempercayai seseorang yang baru dikenali tanpa usul periksa.

Satu elemen yang rasanya amat penting dan agak mendahului zaman ialah penegasan P.Ramlee terhadap ilmu pengetahuan. Ini diungkapkannya melalui watak Azizah ketika menawarkan bantuan untuk Amran bersekolah malam. Malah apa yang ditawarkan oleh Azizah adalah selari dengan apa yang ditawarkan oleh Projek Giat Mara dan Kolej-Kolej kemahiran dan TVET sekarang.

Ini membayangkan bahawa sekalipun ada unsur mnerap ilmu pengetahuan demi menambah pendapatan dan meningkatkan tahap sosial seperti bersatu menetapkan harga tambang secara kelompok pemahaman tentang pergerakan sosial dan ekonomi melalui kesatuan dan persatuan belum dimanfaatkan.

PERBEZAAN LELAKI DAN WANITA

Dalam filem corak berfikir dan bertindak kaum lelaki ini Kalau kita teliti perkembangan drama dan nilai kehidupan di antara kaum lelaki dan wanita amat berbeza, bagaikan dua puak dari dua alam berlainan.

Bila bermula sahaja paparan cerita dalam filem ini golongan pertama yang lihat adalah lelaki dengan watak utama dalam babak awal ialah penjual suratkhbar yang gigih berlari dan berteriak memaklumkan berita utama

disiarkan. Puas dia berlari dan berteriak namun tiada pembeli. Dalam penampilan kedua di alam lelaki adalah pertemuan antara Orang Kaya Marzuki dan Amran yang berakhir dan konflik kerana Marzuki enggan membayar kadar tambang sewajarnya mengikut peraturan dan kadar yang ada.

Ini diikuti oleh babak Amran singgah di gerai makan yang sederhana dan mengomel tentang orang enggan memberi kadar tambang yang ditetapkan. Pak cik yang berniaga di gerai itu memberi kenyataan yang mengenengahkan konflik kuasa dan nilai di antara orang kaya dan orang miskin. Inilah inti konflik dengan filem ini. Kita tiba-tiba terkejut mendengar kenyataan itu disambut dengan ketawa yang agak berlebih lebihan kesan kedekatan pada hal mereka berada agak jauh. Kesannya adalah ada juga lelaki yang tidak terkesan dengan konflik kehidupan yang dinyatakan. Kemudian kita melihat penjual di gerai itu menyediakan dua bungkus makanan dan menyerahkan kepada Amran. Amran hanya mahu menerima sebungkus kerana tidak berduit. Tuan gerai berkata, ambil dulu makanan itu dan bayar bila ada rezeki. Ini mengenengahkan kesuraman hidup. Amran mengucapkan terima kasih dan memuji penjual itu kerana bertimbang rasa yang menunjukkan kemuliaan hatinya.

Kita melihat pula adegan Amran sampai di depan rumahnya membawa dua bungkus makanan. Dan bertembung dengan seorang pengemis yang memohon diberi makanan kerana lama sudah tidak makan. Amran menyerahkan sebungkus nasi itu kepada pengemis itu yang sama kesannya dengan tindakan penjual di gerai tadi.

Dalam paparan seterusnya sekalipun Amran berada di rumah, suasana murung tetap wujud bila dia berbohong mengaku sudah makan lalu menyuruh ibunya makan dan dia pergi mandi.

Setelah mandi, Amran keluar, dan ibunya yang mengetahui Amran belum makan, menyuruhnya makan bahagian nasi yang ditinggalkan. Sedang dia makan hujan ribut terjadi dan ini berakhir dengan Amran bangun menutup

pintu dan berdoa agar hujan berhenti. Pada masa yang sama lauk yang dihidangkan terkena titisan hujan.

.

SIAPA PENENTU: AYAH ATAU IBU?

Dalam hubungan kekeluargaan pula pihak bapa walaupun mahu bersikap tegas terhadap ahli keluarga sering ditegur dan dikalahkan oleh si ibu. Dan bila si bapa berani bertindak mengikut pertimbangan sendiri tindakannya salah dan menjadi tidak adil.

Dalam babak di rumah Orang Kaya Marzuki paparan bermula dengan Azizah merungut tentang bubur kacang dan bila ayahnya masuk dia minta izin menonton wayang tetapi ayahnya membebel berlebih-lebihan namun akhirnya bila si ibu sudah membenarkan, si ayah tidak membantah. Maka aura wanita di sini mengalahkan aura lelaki. Dan dalam beberapa babak selepas itu konflik-konflik kecil begitu dimenangi oleh si Ibu.

.

Hal kedekutnya juga membawa kepada dia kena kemalangan setelah bertengkar dengan beberapa orang penarik beca yang meminta bayaran seringgit atau lebih sehingga ada penarek becha memperliken supaya dia yang menjadi penarik beca dan dia jadi penumpang dengan bayaran sedikit lebih daripada dia sanggup bayar. Marah dengan cabaran itu dia cuba memukul penarik beca itu dan tongkatnya terpelanting ke tengah jalan. Apabila dia cuba mengambil tongkatnya dia dilanggar oleh Razali yang memandu kereta itu.

.

LAGU-LAGU DALAM PENAREK BECHA

Dalam filem ini terdapat empat buah lagu yang semuanya ciptaan P.Ramlee dan ini filem pertama terbitan Studio Shaw Brothers yang tiga daripada empat lagu di dalamnya dicipta dan dinyanyi oleh pengarah/pencipta sendiri.

Lagu-Lagunya ialah **Azizah, Dengarlah Sang Ombak Berdesir** dan **Engkau Laksana Bulan** yang dinyanyikan oleh P Ramlee sendiri dan **Inang Baru** sebuah lagu tradisi.

Azizah sebenarnya dicipta oleh P.Ramlee semasa masih bersekolah di Pulau Pinang dan watak Azizah yang disebut di dalam lagu adalah anak gadis guru muziknya. yang menarik hati dan dipujanya tetapi cintanya terhalang kerana gurunya tidak merestuinya maka dia mencipta dan menyanyikan lagu itu. Tiar Ramon dari Indonesia telah merakam semula dan tidak memberi kredit bahawa lagu ini adalah ciptaan P.Ramlee untuk filem pertamanya, **Penarek Becha**. ia dinyanyikan pertama kali oleh orkestra yang dianggotai oleh P Ramlee di Pulau Pinang.

Semasa di Singapura lagu ini dirakam ke piring hitam oleh sebuah syarikat terkenal dan dibayar royaltinya sebanyak tiga ribu ringgit pada tahun 1956 ketika lagu ini mengiasi filem **Penarek Becha**. Mengikut nilai mata sekarang jumlah itu cukup besar.

Engkau Laksana Bulan adalah lagu dicipta dan dinyanyikan sendiri oleh P Ramlee untuk filem ini

Seorang peminat dari Singapura menulis di laman Tiktok bahawa dia teringat waktu kecil saat digendong ayahnya untuk menimangnya yang sedang demam panas.

Mengenai lagu Dengarlah Sang Ombak Berdesir seorang peminat P Ramlee menulis di Youtube tentang dulu emak saudaranya menangis menonton filem itu di Singapura. Dan dia sendiri masa persekolahan pernah jatuh hati dengan anak seorang guru sekolah, dicemburui oleh rakan rakan sekelas malah hampir dipukul.

Lagu **Inang Baru**, sebuah lagu tradisi yang dimasukkan ke dalam filem ini adalah selari dengan kenyataan P Ramlee dalam kertas kerjanya dalam Seminar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1962 di Kuala Lumpur.

“Dalam filem ini ada penonton di satu majlis marah kerana tarian dan lagu itu dipersembahkan sebab mereka tidak pandai dan tidak meminati lagu joget. Mereka mahukan lagu Samba”

Isu ini ditimbulkan. Dengan kata lain usaha P.Ramlee mahu memelihara dan mempertahankan kewujudan dan perkembangan irama tradisi ditegaskannya sejak mula bergiat dalam dunia seni secara profesional.

CATATAN Hujung MAKALAH

Dalam paparan grafik pada awal tayangan terdapat nama seorang pelakon wanita, Fatimah Osman tetapi tidak disiarkan lakonannya dalam filem tersebut. Dalam satu nota trivia dikatakan pelakon ini memegang peranan gundik dan walaupun namanya ada dalam grafik tetapi semua babak lakonannya disunting. Mungkin kerana babak babak itu menyebabkan waktu siaran filem terlalu panjang? Tapi kenapa gundik?

RUMUSAN

Sebagai filem daripada seorang anak muda yang merantau ke negeri orang dan melabur segala bakat dan tenaga, **Penarek Becha** berjaya. Ini terbukti dengan kejayaan besar filem ini sehingga dikatakan di antara filem yang terbaik diterbitkan oleh Show Brothers.

Wassalam.

Dr Haji Saiee Driss @ Saie bin Dris

16 September 2025

Kuching, Sarawak

saieedriss@yahoo.com